



FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

BIL 01 DIS - MEI 2000

ISSN : 1511-7472

UNTUK EDARAN DALAMAN

Bahasa Melayu

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum : Relevannya dengan IPTA

A. Aziz Deraman

Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari

Raja Abdullah Yaacob & Saidina Omar Samsuri

Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam

Mohd Nor Mamat

Anda dan Pembacaan

Zohra Ibrahim

Kumpulan Pendesak/Seminat

Posiah Mohd Isa

Bahasa Inggeris

The Changing Role of the Secretarial Profession

Halifah Abdul Rahman

An Insight Into the Global Market Penetration by

A Malaysian Construction Firm :

Evaluation of the Construction Industry in International Markets

Noraliza Haji Basrah

KOSMOLOGI KEILMUAN PADA MILENIUM SIBER

Motivasi & Pemantapan Akademik

Teknik Peperiksaan

Habibah Lehar

Getting Ready for A Basic Accounting Examination!

Khashi'ah Yusof

Mendengar dan Menggalakkan Manusia Bercakap

Darussalam Abu Bakar

FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

“ KOSMOLOGI KEILMUAN PADA MILENIUM SIBER ”

© **Kolej Cempaka Kenanga**
Universiti Teknologi Mara Shah Alam

Cetakan Pertama, Mei 2000

Hakcipta adalah terpelihara. Mana-mana artikel atau isi kandungan jurnal ini tidak boleh diterbitkan semula ataupun disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit.

Semua artikel adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak semestinya merupakan pandangan pihak penerbit.

Susun Atur Teks: Times New Roman
Saiz Huruf: 11 poin
Rekabentuk Kulit: Mohd Nor Mamat

ISSN: 1511-7472

Diterbitkan oleh:
Kolej Cempaka Kenanga
Universiti Teknologi Mara
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
E-mail : fakultas@hotmail.com

Dicetak oleh:
Univision Press Sdn Bhd (473080-W)
Taman Samudra, Bt Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel: 03-6892679/3386 Fax:03-6871053
E-mail : unvision@tm.net.my

SENARAI PENYUMBANG

1. Tuan Haji A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob
Dekan
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
3. En Saidina Omar Samsuri
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
4. Us. Mohd. Nor Mamat
Pusat Pendidikan Islam UiTM
5. Dr. Zohra Ibrahim
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
6. Dr. Posiah Isa
Fakulti Pentadbiran & Undang-Undang UiTM
7. Cik Halifah Abd. Rahman
Fakulti Pengurusan Teknologi Pejabat UiTM
8. Cik Noraliza Hj. Basrah
Fakulti Sains Perancangan dan Ukur UiTM
9. Pn Habibah Lehar
Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM
10. Pn Khashi'ah Yusof
Fakulti Perakaunan UiTM
11. En. Darussalam Abu Bakar
Ketua Kursus Penyiaran
Fakulti Sebaran Am UiTM

LEMBAGA EDITORIAL

Penaung

Datuk Prof Ir. Dr Haji
Ahmad Zaidee Laidin

Penasihat Khas

Prof Madya
Dr Yaacob Yusof

Penasihat

Cik Noraliza Basrah

Koordinator

Us Mohd Nor Mamat

Ex Officio

Rafidah Abdul Aziz

Ketua Editor

Haslina Abu Samad

Pen Ketua Editor

Haniza Othman

Editor

Ellyna Yusof

Liza Imelia M.Sulanah

Sh Radhiah Said Alwi

Siti Raudhah Shaari

Nazathul Shima Azizi

Azimah Kassim

Zatul Iffah Adbul Halil

Tn Noraiham Tn Yasin

Suriati Abd Shukor

PurnamaSari Sahnawi

Istiqamah Subuki

Hazilah Mat Isa

ISI KANDUNGAN

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum Relevannya dengan IPTA: Satu Analisis <i>Tuan Haji A. Aziz Deraman</i>	1
Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari <i>Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob & Saidina Omar Samsuri</i>	25
Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam <i>Mohd Nor Mamat</i>	35
Anda dan Pembacaan <i>Dr Zohra Ibrahim</i>	49
Kumpulan Pendesak/Seminat <i>Dr Posiah Mohd Isa</i>	57
The Changing Role of the Secretarial Profession <i>Halifah Abdul Rahman</i>	67
An Insight Into the Global Market Penetration by A Malaysian Construction Firm: Evaluation of the Construction Industry in International Markets <i>Noraliza Basrah</i>	75
Teknik Peperiksaan <i>Habibah Lehar</i>	95
Getting Ready for A Basic Accounting Exam!	101
Mendengar & Menggalakkan Manusia Bercakap <i>Darussalam Abu Bakar</i>	111
<i>Jemputan Penulisan Artikel Jurnal Bil 02 Jun-Dis 2000</i>	119

KEPENTINGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (IT) DALAM PERKHIDMATAN SEKOLAH BESTARI

*Profesor Madya Dr. Raja Abdullah Yaacob
Saidina Omar Samsuri*

Abstrak

Malaysia kini telah masuk ke era maklumat dan Teknologi Maklumat sesuai dengan persiapan untuk mencapai taraf negara maju serta menjayakan konsep Koridor Raya Multimedia (MSC). Dalam persekitaran MSC pelaksanaan Sekolah Bestari merupakan satu tujuan utama dalam memastikan halatuju negara sesuai dengan konsep IT dan 'pekerja ilmu'. Pelbagai cabaran sedang dan akan dihadapi di dalam merealisasikan konsep tersebut. Kepentingan IT kini telah diiktiraf tetapi persoalan yang dihadapi ialah bagaimana menyediakan bukan sahaja kelengkapan tetapi prasarana, kemahiran dan kakitangan terlatih bagi memastikan akses yang maksima boleh diberikan kepada masyarakat. Konsep Sekolah Bestari perlu menjadi suatu visi utama sekolah-sekolah di Malaysia dan ianya hanya dapat dicapai sekiranya cabaran yang akan dihadapi dapat dikelolakan dan ditempuh dengan sempurna. Kertas kerja ini cuba membincangkan tentang kepentingan serta cabaran-cabaran yang wujud dalam merealisasikan Sekolah Bestari.

Rasional

Kenyataan berguna dan menarik telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan:

" Education in Malaysia therefore has to incorporate the latest trends in education to meet national needs. Assessment has to change in

order to support and reinforce these changes to ensure effective teaching and learning.”¹

Keperntingan Teknologi Maklumat (IT)

- MSC merupakan salah satu daripada pemangkin utama untuk perubahan kepada pelbagai kepentingan kompetensi dalam teknologi maklumat.
- Apa yang diperlukan ialah memastikan bahawa kepakaran dalam IT diperlukan dan pelajar perlu dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran IT untuk membolehkan mereka bekerja dengan multimedia dan dalam era digital.
- Kepakaran ini merupakan faktor kritikal untuk menjayakan MSC.
- Dengan adanya mereka yang mempunyai kepakaran ini maka peranan sekolah bestari adalah sebagai pemangkin untuk kejayaan seterusnya.
- Pelajar yang dilatih perlulah berkualiti dan bersedia untuk menghadapi industri-industri yang berasaskan maklumat.
- Sekolah bestari boleh dijadikan sebagai pusat yang dapat menambahkan lagi pengeluaran pekerja IT yang berpengetahuan.
- Aplikasi IT kini adalah semakin bertambah dan penambahan penggunaan Internet dan aplikasi konsep perpustakaan maya telah memberi impak kepada pendidikan.
- Kurikulum kini berkait rapat dengan perkembangan pesat dalam teknologi digital dan aplikasinya.

¹ Malaysia. Kementerian Pendidikan, 1997. *Smart Assessment: An Introduction*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Peningkatan penggunaan IT baru di perpustakaan - suatu faktor yang menentukan kebolehan baru yang diperlukan dalam era baru.
- Kepastian perlu juga diberikan bagi membolehkan penyerapan dan pembentukan individu yang mempunyai pemikiran kritikal.
- “*A spirit of critical enquiry*” yang memahami maklumat dan pengurusan maklumat.
- Dengan mewujudkan kepakaran terbaru ini elemen-elemen IT perlulah digabungkan dengan pelbagai aspek maklumat dan pengurusan sumber maklumat.
- Pendedahan perlu diberikan terhadap perkhidmatan maklumat, perkhidmatan *online*, jaringan dan digital.
- Menyediakan pelajar menyesuaikan diri dalam persekitaran di mana maklumat terdapat dalam pelbagai bentuk.
- Maklumat telah diiktiraf sebagai faktor ekonomi yang kritikal untuk kejayaan mana-mana aktiviti.

Produk dan Perkhidmatan Maklumat

- Peningkatan permintaan dan pengeluaran produk dan perkhidmatan maklumat elektronik.
- Perpustakaan/pusat sumber perlu disediakan dengan lengkap dengan bahan dan peralatan canggih.
- Mempunyai pengurus maklumat/pustakawan profesional dan kakitangan yang berkeelayakan.
- Profesion ini masih memberi penekanan kepada elemen asas pengurusan maklumat; dimasukkan juga prinsip dan amalan teknologi baru.
- Ini melibatkan pembentukan pengurusan perubahan (*change management*) dan kemahiran komunikasi dua

hala sebagai komponen untuk menjayakan implementasi perkhidmatan teknologi maklumat baru.

Perpustakaan Digital dan Kurikulum

- Perpustakaan dan pusat sumber telah berubah kepada konsep digital selaras dengan perkembangan IT.
- Kini wujud persekitaran perpustakaan tanpa sempadan.

Sebahagian daripada perubahan:

- Pembentukan visi baru sebagai penyediaan maklumat dan penyediaan isi.
- Ruang untuk perubahan.
- Mengurus perubahan.
- Mengorientasi kerja dan kakitangan kepada kaedah baru bekerja.
- Memahami dan mengenalpasti peranan baru.
- Memperolehi dan mempelajari kemahiran terbaru.
- Belajar secara berterusan.
- Perubahan kepada persekitaran digital tidak boleh dinafikan lagi oleh pembuat dasar, mereka yang terlibat dalam profesion ini termasuk pembuat kurikulum kerana setiap operasi moden pusat sumber melibatkan IT dan sistem komputer.
- Seiring dengan peningkatan penggunaan IT dalam sekolah bestari, perpustakaan dan pusat sumber pada abad ke-21 adalah bercirikan maklumat dan teknologi digital.
- Istilah perpustakaan digital, perpustakaan elektronik, dan perpustakaan maya kini digunakan secara sinonimus.

Elemen-elemen persamaan yang terdapat kepada definisi ini adalah, seperti yang dikenalpasti oleh *Association of Research Libraries* (October 23, 1995)²:

- Perpustakaan digital bukan merupakan satu entiti;
- Perpustakaan digital memerlukan teknologi untuk menghubungkan pelbagai sumber maklumat;
- Hubungan antara perpustakaan-perpustakaan digital dan perkhidmatan maklumat perlu transparan kepada pengguna;
- Matlamat asal ditujukan kepada akses universal kepada perpustakaan digital dan maklumat;
- Koleksi perpustakaan digital tidak terhad.

Profail Pelajar Sekolah Bestari

Pelajar yang dihasilkan kelak diharapkan akan menjadi mereka yang: (*Kementerian Pendidikan – Sekolah Bestari*)

- berfikir
- tinggi jati diri
- berdikari
- bersemangat kumpulan
- mahir teknologi maklumat
- berinovatif dan menghasilkan reka cipta
- mempunyai jaringan kenalan
- berciri global
- bertanggungjawab sosial
- penyayang alam
- menyumbang terhadap matlamat pembangunan negara

² Drabenstott, Karen M. 1994. *Analytical Review Of The Library Of The Future*. Washington, DC: Council Library Resources.

FAKULTAS

Kalau dilihat daripada ciri-ciri yang dipaparkan atas, maka boleh dikatakan kesemuanya memerlukan individu yang “bercirikan pe ka-maklumat dan ilmu pengetahuan”.

Dalam kata lain, setiap individu tidak akan berjaya dengan cemerlang sekiranya beliau tidak tergolong dalam kumpulan literasi maklumat.

Adalah baik jika sesuatu perancangan dapat disusun agar ianya dapat dilaksanakan dengan berkesan dan juga dapat mewujudkan kesinambungan.

Ini merupakan satu isu yang perlu dirancang dari awal lagi supaya perjalanan idea ini dapat dilaksanakan dengan licinnya.

Kakitangan yang terlatih yang boleh menjalankan tanggungjawab sepenuhnya perlukan untuk merealisasikan projek ini.

Status kakitangan tersebut perlulah seorang profesional yang terlatih yang bertugas sepenuh masa.

Peranan Fakulti Pengajian Maklumat

Oleh kerana konsep bestari ada kaitannya dengan maklumat, IT dan ilmu, maka Fakulti Pengajian Maklumat percaya ianya juga dapat memainkan peranan dalam melatih dan memberi kelulusan bagi mereka yang akan menceburkan diri dalam pelaksanaan sekolah bestari. Mungkin konsep ini luas tetapi, adalah dipercayai dan diyakini latihan yang sedang diberikan di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda adalah sesuai dengan keperluan ini.

Objektif Fakulti

- Mengisi keperluan tenaga profesional maklumat untuk membantu di dalam pembangunan negara dan mendukung Wawasan 2020;
- Mendidik bumiputera untuk menjadi pakar maklumat yang berkaliber, berdaya saing, kreatif dan proaktif;
- Menyediakan program akademik profesional yang bermutu tinggi, inovatif dan kemas kini;
- Mempertingkatkan mutu, keberkesanan dan kepelbagaian program-program pendidikan mengikut keperluan pasaran dan pembaharuan teknologi;
- Mengeluarkan graduan-graduan yang menjadi agen kepada pembentukan masyarakat yang membaca dan bermaklumat.

Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian Pengajian Maklumat (Pengurusan Pusat Sumber Maklumat)

Fakulti Pengajian Maklumat UiTM sentiasa mengikuti perkembangan semasa dan cuba menjadi proaktif di dalam pembangunan kurikulumnya.

Kesedaran tentang kekurangan literasi maklumat oleh pelajar yang mula melangkah ke IPT mempengaruhnya untuk membentuk sebuah program yang sesuai dengan keperluan sistem pembelajaran negara.

Fakulti percaya, masalah kurang literasi maklumat dan kurang minat membaca hanya boleh diatasi sekiranya pada peringkat

FAKULTAS

persekolahan disogokkan perkhidmatan tersebut seperti yang dilaksanakan di negara maju.

Justeru, sekolah-sekolah perlu mempunyai pusat sumber yang lengkap serta pegawai-pegawai profesional yang terlatih.

Oleh itu, salah satu program yang diadakan pada peringkat ijazah sarjana muda ialah Pengurusan Pusat Sumber Maklumat.

Perkataan maklumat ditekankan memandangkan perkembangan IT dan juga membantu untuk menyokong aktiviti-aktiviti sekolah bestari. Bidang-bidang yang termasuk dalam program ini ialah:

- Kemahiran Maklumat
- Pengenalan Kepada IT dan Multimedia
- Pengurusan Maklumat
- Pusat Sumber Maklumat
- Pengurusan Pusat Sumber Maklumat
- IT dan Pusat Sumber Maklumat
- Pengenalan Kepada Teknologi Pendidikan
- Literasi Maklumat
- Pusat Sumber Elektronik
- Maklumat Pengkomputeran
- Sumber dan Perkhidmatan dalam Pendidikan: Cetakan dan Elektronik
- Program Pembacaan dan Kesusasteraan
- Sumber dan Perkhidmatan untuk Kanak-kanak dan Dewasa
- Pengeluaran Bahan “Instructional”
- Minor dalam Pendidikan

Kesimpulan

Untuk menyokong dan menguatkan perjalanan sekolah bestari:

- Maklumat dan sumber maklumat perlu ditekankan.
- Perkhidmatan IT untuk mengakses maklumat perlu disediakan dan latihan diutamakan.
- Pusat Sumber Maklumat perlu lengkap dan di tahap yang baik mengikut piawaian tertentu.
- Pegawai profesional sepenuh masa perlu diberi keutamaan sekiranya matlamat ingin dicapai.